

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 05 Julai 2021 10:01
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Alumni Bantu Perkasa Agenda Dana Wakaf Dan Endowmen Universiti



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia


5 JULAI 2021 / 25 ZULKAEDAH 1442H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Norimah Alias

Gambar oleh: Siti Fartimah Saidan dan Nur Syahirah Sahabudin

ALUMNI BANTU PERKASA AGENDA DANA WAKAF DAN ENDOWMEN UNIVERSITI



UUM ONLINE: Kemenjadian sesebuah universiti bukan sahaja terletak kepada kemampuan kewangan, kredibiliti pemegang taruh, tadbir urus yang cekap, malah ia turut didukung dengan penglibatan alumni yang ampuh, justeru Universiti Utara Malaysia (UUM) sentiasa memantapkan usaha untuk melestarikan rangkaian hubungan yang baik dengan alumni.

Menyedari bahawa alumni memiliki kemampuan untuk terus menyumbang kepada pembangunan universiti dan salah satunya adalah melalui wakaf dan endowmen, pengurusan universiti telah melantik dua alumni iaitu Ketua Pegawai Eksekutif Mutiara Teknologi (M) Sdn. Bhd. Group of Companies, Abdul Hafidz Win dan Pengurus Besar Bahagian Sumber Manusia, Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA), Abdul Rahim Abdul Rahman sebagai Ahli Jawatankuasa Pengurusan Dana Wakaf dan Endowmen (JPWE).

Bagi mewujudkan gagasan yang strategik dan sinergi yang berterusan, Bahagian Zakat, Wakaf dan Endowmen (BZWE), Jabatan Strategik dan Pembangunan Perniagaan (BSD) telah mengadakan taklimat berhubung dana wakaf dan endowmen yang turut menerangkan lebih lanjut tentang peranan alumni dalam memperkasakan agenda tersebut secara dalam talian yang disampaikan Pengurus BZWE, Dr. Nor Syahidah Ishak.

Selain perkongsian idea dan kepakaran, beberapa agenda promosi turut direncanakan oleh BZWE dengan kerjasama Pusat Alumni yang mana Pusat Alumni akan menggiatkan lagi usaha membantu menambah dana wakaf dan endowmen melalui jaringan alumni sedia ada termasuklah perancangan bagi sumbangan wakaf melalui potongan gaji alumni.

Wakaf dan endowmen merupakan platform yang baik kepada alumni untuk terus menyumbang dalam bentuk pendanaan kewangan khususnya bagi pembangunan infrasktruktur dan kemudahan di dalam kampus. Ia juga sebagai landasan bagi alumni untuk menyumbang kembali kepada alma mater selaras dengan moto UUM sendiri 'Ilmu Budi Bakti'.

Turut serta dalam taklimat ini ialah Pengarah BSD, Prof. Madya Dr. Hijattulah Abdul Jabbar; Pengarah Pusat Alumni, Prof. Madya Dr. Lily Julienti Abu Bakar; Timbalan Pengarah BSD, Prof. Madya Dr. Siti Zabedah Saidin dan staf pentadbiran BZWE.





Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.